

ANALISIS METAFORA KONSEPTUAL DALAM SITKOM KOMEDI MELAYU

(An Analysis of Conceptual Metaphor in Malay Comedy Sitcoms)

Nor Umiumairah Mohamad¹

humairahmohamad19@gmail.com

Rozaimah Rashidin²   

rozai451@uitm.edu.my

Pusat Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.¹

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.²

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):²

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nor Umiumairah Mohamad, & Rozaimah Rashidin. (2025). Analisis metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 41–74. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no2)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	17/3/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	14/6/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	20/6/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	26/6/2025
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Sitkom komedi mengandungi humor yang mampu membangkitkan rasa geli hati dalam kalangan individu yang mendengar dan melihatnya menerusi bahasa yang dituturkan dan gerak-geri yang dipersembahkan. Humor yang disampaikan dapat menyebabkan penyalahafsiran makna sehingga menyukarkan pendengar untuk menyingkap makna sebenar sesebuah persembahan. Hal ini dikatakan demikian kerana humor mengandungi makna tersirat dan mengandungi metafora. Dari perspektif linguistik kognitif, metafora konseptual berfungsi untuk

menyampaikan sesuatu yang bersifat abstrak atau menjelaskan sesuatu konsep yang kompleks. Namun begitu, unsur abstrak dan konsep yang kompleks ini mengandungi makna implisit yang menyebabkan berlakunya penyalahafsiran makna. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis unsur metafora konseptual yang digunakan dalam sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022* dengan mengaplikasikan teori hibrid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data dicapai menerusi platform penstriman atas talian Sooka TV di <https://www.sookatv.com/>. Sembilan episod sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022* bermula dari bulan Jun 2022 hingga Oktober 2022 telah dimanfaatkan. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan metafora konseptual yang disampaikan oleh penutur (pelawak) itu mengkonsepsikan entiti yang abstrak dan implisit untuk menjelaskan sesuatu konsep yang kompleks. Antaranya termasuklah konsep EMOSI, CINTA, KASIH SAYANG, KEHIDUPAN, KEMATIAN, SIKAP dan SIFAT MANUSIA, serta NILAI MURNI. Walaupun disampaikan dalam bentuk humor, konsep yang kompleks ini memperlihatkan kuasa humor yang bukan sahaja mampu berperanan sebagai unsur lawak semata-mata, namun mampu mengubah sikap, persepsi dan tanggapan manusia terhadap sesuatu, mewujudkan kesan yang lebih mendalam dan kreatif, dan yang paling utama, humor ini mampu memberikan kesan dan tindak balas yang baik dan positif terhadap psikologi manusia.

Kata kunci: Linguistik kognitif, metafora, metafora konseptual, teori hibrid, sitkom komedi Melayu, *Sepahtu Reunion*

Abstract

Comedy sitcoms incorporate humour that elicits amusement among audiences through spoken language and physical gestures. However, the humour often leads to misinterpretations, making it difficult for the audience to grasp the underlying meaning of the performance. This is because humour typically contains implied meanings and metaphors. From a cognitive linguistic perspective, conceptual metaphors serve to express abstract ideas or to elucidate complex concepts. Nevertheless, the abstract nature and complexity of such concepts often result in misinterpretation. This study analyses the conceptual metaphors used in the Malay comedy sitcom Sepahtu Reunion Live 2022 by applying the hybrid theory. Employing a qualitative content analysis approach, data were obtained via the online streaming platform Sooka TV (<https://www.sookatv.com/>), comprising nine

episodes of Sepahtu Reunion Live 2022 aired between June 2022 and October 2022. Findings reveal that conceptual metaphors used by the performers (comedians) serve to conceptualise abstract and implicit entities in order to explain complex ideas. These include concepts of EMOTION, LOVE, AFFECTION, LIFE, DEATH, HUMAN TRAITS AND BEHAVIOURS, and MORAL VALUES. Although presented in humorous form, these complex concepts reveal the power of humour not merely as comic relief but as a medium capable of altering attitudes, perceptions, and beliefs. Ultimately, such humour has the potential to elicit meaningful and positive psychological responses.

Keywords: Cognitive linguistics, metaphors, conceptual metaphor, hybrid theory, Malay comedy sitcom, Sepahtu Reunion

PENDAHULUAN

Humor merujuk suatu bentuk komunikasi atau ekspresi yang bertujuan untuk mencetuskan keseronokan, ketawa atau hiburan melalui permainan bahasa, situasi tidak dijangka, ironi atau pengolahan makna yang kreatif. Humor dapat berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti jenaka lisan, parodi, sindiran atau visual, dan sering mencerminkan norma, nilai dan ketegangan sosial dalam sesebuah masyarakat (Attardo, 1994). Dari sudut linguistik, humor dapat dilihat sebagai pelanggaran terhadap jangkaan konvensional dalam komunikasi yang mencetuskan kejutan kognitif (incongruity), iaitu ketidaksepadanan antara apa-apa yang dijangka dengan apa-apa yang berlaku (Attardo, 1994; Raskin, 1985). Dalam perspektif pragmatik, humor juga merupakan strategi retorik yang digunakan untuk mempengaruhi emosi dan membina hubungan sosial antara penutur dengan pendengar (Dyner, 2009). Dalam konteks psikologi, humor dianggap sebagai mekanisme untuk mengatasi tekanan, mengekspresikan perasaan dan menyesuaikan diri dengan sekitaran sosial (Martin, 2007). Asmah Haji Omar (2008) turut menyatakan bahawa bahasa kiasan atau ragam bahasa naratif berperanan besar dalam aspek mewujudkan elemen humor. Dalam erti kata lain, bahasa humor ini wujud dalam bentuk bahasa figuratif, seperti, simile, kiasan dan metafora. Oleh sebab penggunaan humor dalam komunikasi merupakan asas bagi makna kata yang berbentuk ragam bahasa naratif, bahasa humor yang disampaikan dapat menyebabkan penyalahafsiran makna sehingga menyukarkan pendengar untuk menyingkap makna sebenar sesebuah penulisan atau persembahan.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan perspektif linguistik kognitif, metafora yang lebih dikenali sebagai metafora konseptual dapat menjadi sumber penghasilan humor. Humor dan metafora mencetuskan analogi atau hubungan antara idea atau kata yang kontra yang akhirnya menyebabkan humor (Nasser, 2024). Metafora konseptual merujuk cara manusia memahami sesuatu idea atau pengalaman berdasarkan persamaan dengan sesuatu yang lain. Hal ini bukan sekadar perumpamaan dalam bahasa, tetapi cerminan cara minda manusia menyusun pemikiran dan pengalaman. Metafora konseptual ini diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Kedua-dua sarjana ini berhujah bahawa metafora bukan hanya alat retorik, tetapi sebahagian daripada sistem pemikiran manusia. Metafora konseptual juga bukan sekadar alat linguistik, tetapi alat kognitif yang membentuk pemahaman manusia terhadap dunia. Metafora yang berteraskan pengalaman badaniah ini membolehkan seseorang itu mengaitkan konsep abstrak dengan pengalaman konkrit tertentu.

Penggunaan metafora konseptual dalam humor menimbulkan beberapa isu utama yang berkaitan dengan aspek kognitif, linguistik dan budaya. Metafora berfungsi sebagai alat untuk memahami konsep abstrak melalui pengalaman konkrit (Lakoff, & Johnson, 1980), tetapi dapat menyebabkan kekaburan makna apabila digabungkan dengan unsur humor. Kekaburan makna ini berpunca daripada ketaksaan dalam pentafsiran metafora, terutamanya apabila humor disampaikan secara tidak literal, bersifat ironi atau bersandarkan konteks budaya tertentu (Dynel, 2009). Di samping itu, penonton mungkin menghadapi kesukaran untuk mentafsirkan humor yang berasaskan metafora jika tiada perkongsian latar budaya atau pengetahuan dunia yang sama (Kövecses, 2010). Dalam konteks masyarakat Melayu, metafora dalam humor selalunya membawa nilai tersirat yang berkaitan dengan kehidupan, kasih sayang atau sindiran sosial yang memerlukan pemahaman budaya tempatan untuk difahami sepenuhnya (Rokiah Awang, 2016). Oleh itu, isu utama yang berlaku ialah kemungkinan berlakunya salah faham, kehilangan maksud asal dan ketidakberkesanan humor apabila metafora konseptual tidak difahami sebagaimana yang dimaksudkan oleh penutur (Attardo, 1994). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun metafora memberikan ruang terhadap kreativiti dalam jenaka, metafora turut meningkatkan risiko penyampaian mesej yang tidak tepat kepada khalayak. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti dan menganalisis unsur metafora konseptual yang digunakan dalam sitkom komedi *Sepahtu Reunion* menggunakan teori hibrid.

KAJIAN LEPAS

Kajian terhadap humor ini masih kurang diterokai, khususnya dalam bidang bahasa dan linguistik. Pengkaji terdahulu lebih memfokuskan fungsi humor dari segi strategi, teknik dan kaedah humor, seperti kajian yang dilakukan oleh Hafifi Horace (2021), Noorlida Mohd Noor (2015), Mohd Zaki Rahim (2017) dan Roswati Abdul Rashid et al., (2017). Elemen linguistik dalam humor ini masih kurang diterokai, khususnya dalam bidang bahasa dan linguistik. Kajian humor dalam bidang bahasa, seperti kajian yang dilakukan oleh Aria Bayu et al. (2021) hanya tertumpu pada bidang pragmatik atau apa-apa yang diimplikasikan, bukan apa-apa yang diperkatakan (semantik). Dalam erti kata lain, kajian ini hanya tertumpu pada lakuan bahasa dalam suatu proses komunikasi yang wujud dalam sesuatu perbualan atau wacana. Sperber dan Wilson (1986) berpendapat bahawa ilmu pragmatik perlu digandingkan dengan ilmu semantik bagi melicinkan proses pentafsiran makna dalam komunikasi dengan berkesan. Ada kalanya, humor wujud dalam bentuk ragam bahasa naratif atau bahasa figuratif, seperti metafora, simpulan bahasa, peribahasa, puisi, pantun dan seloka (Asmah Haji Omar, 2008). Sekiranya diteliti, bahasa figuratif ditafsirkan sebagai bahasa yang mengandungi makna tersirat, iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Hal ini menyebabkan humor mempunyai makna tersirat, bukannya makna literal.

Dua jenis makna, iaitu makna implisit dan makna eksplisit, merupakan dua makna utama yang wujud dalam komunikasi lisan manusia (Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin, 2017). Komunikasi yang mengandungi makna implisit lebih kompleks dan rumit difahami kerana adanya unsur tersirat yang dapat menyebabkan penyalahafsiran makna (Rozaimah Rashidin, 2016) sehingga menyukarkan pendengar untuk memahami makna sebenar yang cuba disampaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana humor yang berbentuk komedi bukan lawak dan jenaka semata-mata, tetapi dipersembahkan untuk memberikan mesej kepada masyarakat (Rahim Muda seperti yang dinyatakan dalam Fahmi Faiz, 2021). Menurutnya lagi, mesej yang hanya untuk gelak ketawa tanpa pengisian juga dapat memasuki minda penonton dan masyarakat. Hujah ini menunjukkan bahawa dalam bahasa humor, terdapat penggunaan bahasa yang mengandungi makna eksplisit dan implisit. Oleh hal yang demikian, penggunaan makna eksplisit dan implisit dalam *Sepahtu Reunion Live 2022* wajar dilakukan untuk mengetahui makna sebenar dalam sitkom komedi

tersebut. Selain itu, makna implisit yang digunakan dalam bahasa humor perlu dirungkaikan secara berpada untuk mengetahui makna sebenar yang cuba disampaikan oleh pelawak komedi.

Selain itu, kajian yang menggunakan pengaplikasian teori hibrid lebih tertumpu pada data klasik dan tradisonal, seperti kajian yang dilakukan oleh Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) yang merungkaikan makna implisit dalam bentuk metafora menerusi emosi MARAH menggunakan korpus dalam teks tradisional Melayu. Di samping itu, kajian semantik yang meneliti aspek makna lebih terarah kepada unsur metafora, seperti yang dilakukan oleh Rozaimah Rashidin et al. (2023), Rozaimah Rashidin (2016), Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) dan Muhamad Fadzllah Hj Zaini (2015). Kajian Rozaimah Rashidin et al. (2023) dan Muhamad Fadzllah Hj Zaini (2015) lebih terarah pada pengkonsepsian unsur kehidupan, seperti AKAL, FIKIRAN, KEHIDUPAN dan ADAT, untuk melihat pemikiran dan idea penyampaian penulis dalam aspek pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu, seperti konsep ADAT yang dianggap sebagai entiti yang bernilai dan menjadi sebahagian daripada pembentukan proses pembudayaan dalam masyarakat Melayu. Menurut Knowless dan Moon (2006), "... the right side of the brain (in standard lateralizations) is associated with language processes which involve humour, inferencing, irony and metaphor: all non-literal processes ..." (hlm. 54). Dengan erti kata lain, humor dan metafora ini wujud dan dihasilkan di kawasan yang sama, iaitu otak kanan manusia (broca's area).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk deskriptif yang mengenal pasti dan mengkaji humor dari perspektif makna humor dalam sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022*. Pendekatan ini dilihat relevan dan ideal untuk digunakan kerana pengkaji ingin memfokuskan unsur humor yang meneliti makna humor, seterusnya merungkaikan maknanya menggunakan teori yang berpada. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini didefinisikan sebagai pendekatan yang memfokuskan proses dan hasil kajian yang tidak bergantung pada pengiraan statistik atau melibatkan nombor (Sabitha Marican, 2012). Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu suatu penghuraian yang objektif dan sistematik bagi suatu kandungan tersurat (manifest content) yang wujud dalam pelbagai bentuk komunikasi atau mesej berbentuk

cetakan, siaran atau gambaran yang dapat dilihat, diperolehi dan didengar (Sabitha Marican, 2012). Kaedah ini merupakan suatu teknik untuk mengumpulkan data dan menganalisis kandungan teks yang merujuk kata, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa-apa sahaja bentuk mesej yang dikomunikasikan daripada medium, seperti televisyen dan akhbar, yang melibatkan bidang media dan komunikasi.

Data Kajian

Kajian ini menggunakan data humor yang diperoleh daripada sitkom komedi Melayu *Sepahtu Reunion Live 2022*. Sumber data dalam kajian ini diperoleh daripada data autentik, bukan rekaan atau buatan yang diambil daripada platform penstriman dalam talian yang dikenali sebagai Sooka TV yang dicapai daripada laman web Sooka TV di <https://www.sookatv.com/>. Data diambil daripada sembilan episod sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022* bermula dari bulan Jun 2022 hingga Oktober 2022. Pemilihan sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022* dilakukan berdasarkan prosedur persampelan bertujuan. Ada beberapa kewajaran pemilihan rancangan ini, iaitu:

- i. Tema yang dipersembahkan dalam bentuk humor dan lawak pada setiap episod sebenarnya sarat dengan mesej, pengajaran dan falsafah hidup untuk disampaikan kepada masyarakat dalam suasana yang santai dan menghiburkan (Rahim Muda seperti yang dinyatakan dalam Fahmi Faiz, 2021).
- ii. Dilakonan dengan gaya *Devised Theater*, iaitu kaedah teater yang direka berdasarkan improvisasi dan eksperimen yang bermaksud bahawa segala pemikiran, idea dan pengalaman disampaikan secara spontan tanpa menggunakan skrip (Lehtonen, 2012).
- iii. Kumpulan *Sepahtu Reunion Live 2022* telah memenangi beberapa anugerah di Malaysia, seperti Anugerah Meletop Era 2018 (Program TV Meletop), Anugerah Meletop Era 2019 (Artis Lawak Meletop dan Program Meletop), Anugerah Meletop Era 2020 (Program Meletop) dan Anugerah Seri Angkasa 2022 bagi kategori Komedi TV Terbaik.

Kerangka Teori Hibrid

Teori hibrid dalam kajian ini merupakan gabungan kerangka yang diutarakan oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Teori ini memberikan pendekatan yang berbeza bagi memahami ujaran humor, dan penggabungannya menghasilkan satu kerangka teori yang lebih menyeluruh. Tendahl (2009) memperkenalkan konsep pemetaan dua domain dan rantau konseptual bagi memahami makna ujaran humor. Pemetaan dua domain merujuk hubungan antara dua bidang konsep yang berbeza, iaitu humor terbentuk apabila satu domain dipetakan kepada domain yang lain. Rantau konseptual pula berkaitan dengan cara pemahaman manusia tentang sesuatu konsep dapat dipengaruhi oleh konteks tertentu. Stover (2010) pula menekankan aspek kesimpulan secara pragmatik untuk memahami ujaran humor melalui proses tiga serangkai yang merangkumi proses pentaabiran, proses metarepresentasi dan proses simulasi. Stover (2010) menjelaskan bahawa proses simulasi melibatkan proses pemetaan dua domain yang terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran yang dapat menghasilkan skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Sementara itu, proses pentaabiran pula mengaplikasikan teori relevans dengan menerapkan konsep ad hoc (perluasan dan penyempitan). Proses metarepresentasi pula merangkumi gambaran imaginasi yang terhasil daripada pengalaman sekitaran, informasi dan pengalaman fizikal, serta pengetahuan ensiklopedia yang telah dilalui. Proses ini turut berperanan sebagai penyalur input dan maklumat bagi proses pentaabiran.

Metafora Konseptual

Dari perspektif linguistik kognitif, metafora “... is defined as understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain. A convenient shorthand way of capturing this view metaphor is the following: CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B, which is called conceptual metaphor” (Kövecses, 2010, hlm. 4). Domain A merujuk domain sasaran, manakala domain B merujuk domain sumber. Domain sumber melibatkan entiti yang konkrit dan domain sasaran pula melibatkan entiti yang abstrak. Metafora konseptual terhasil daripada pemetaan dua set domain yang terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran. Menurut Rozaimah Rashidin (2016),

metafora konseptual merupakan suatu bentuk mekanisme kognitif, iaitu entiti abstrak dipetakan kepada entiti konkrit. Dalam proses untuk mengkonsepkan sesuatu entiti abstrak, domain sumber akan dipetakan kepada domain sasaran dan hasil pemetaan bagi kedua-dua domain ini akan menghasilkan metafora konseptual. Proses kognitif ini membantu manusia memahami konsep abstrak dengan merujuk pengalaman konkrit. Proses ini juga berlaku secara tidak sedar dan terbentuk daripada interaksi manusia dengan dunia fizikal, serta pengalaman budaya.

Sitkom Komedi

Sitkom komedi ialah akronim bagi situasi komedi yang merupakan sebuah rancangan lawak dan komedi yang mempunyai jalan cerita yang disketsakan oleh sekumpulan pelawak (Jennifer Juckel et al., 2016). Jalan cerita yang disampaikan umumnya mengandungi tema yang berkaitan dengan perihal kehidupan masyarakat, seperti isu cinta, persahabatan, hubungan kekeluargaan, harta dan darjat. Dengan durasi lebih kurang 40 minit bagi setiap episod, watak yang dimainkan oleh setiap anggota kumpulan pelawak berubah-ubah, tidak tetap dan bersilih ganti mengikut kesesuaian tema yang disampaikan. Tema dalam jalan penceritaan yang diolah dalam bentuk komedi juga tidak terhenti setakat elemen hiburan semata-mata, malah wujud mesej dan pengajaran di baliknya yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

Humor

Humor merujuk unsur atau gaya penyampaian yang dapat membangkitkan rasa lucu, geli hati, atau keseronokan dalam kalangan pendengar atau penonton. Dalam konteks komunikasi, humor bukan hanya untuk hiburan semata-mata, tetapi juga berperanan sebagai alat sosial, kaedah peleraian konflik, dan strategi retorik atau pedagogi. Humor memiliki dua elemen penting dalam pembentukannya, iaitu nilai humor dan penanda humor (Goatly, 2012). Nilai humor dikenali sebagai kata pikat (punchline), iaitu lakuan dialog yang biasanya wujud atau diungkapkan dalam ayat dan frasa terakhir dalam ujaran yang mengandungi unsur humor atau lawak. Penanda atau indikator humor pula merujuk reaksi atau tindak balas manusia yang dizahirkan, seperti ketawa dan tepukan daripada individu yang mendengar dan melihatnya.

ANALISIS DATA

Dalam bahagian ini, perbincangan dimulakan dengan memaparkan contoh analisis data menggunakan teori hibrid. Unsur humor yang implisit dalam bentuk metaforikal dapat dicungkil dan dirungkaikan dengan lebih terperinci dan mendalam disebabkan oleh wujudnya penerapan konsep ad hoc dan proses pemetaan domain. Proses yang berlaku secara serentak ini dikenali sebagai proses tiga serangkai, iaitu melibatkan proses pentaabiran, proses metarepresentasi dan proses simulasi. Bahagian ini memaparkan satu contoh data humor yang dianalisis menggunakan teori hibrid secara mendalam dan berpadu.

Dalam konteks masyarakat Melayu, orang Melayu gemar melafazkan niat, kehendak dan hajat menggunakan bahasa yang berlapis, berkias atau dengan erti kata lain, ungkapan yang mendukung makna yang berbeza-beza (Mohd Aris Anis & Ahmad Esa, 2012). Penggunaan makna implisit atau implikatur ini menggambarkan kehalusan budi pekerti dan kebijaksanaan orang Melayu. Namun begitu, sekiranya diamati dengan mendalamnya, walaupun berfungsi untuk memberikan kesan yang mendalam kepada pendengar, penggunaan humor dalam bentuk implikatur ini biasanya memerlukan daya berfikir yang tinggi. Hal ini turut dijelaskan oleh Nor Hidayu Hassan (2018), iaitu makna tersirat dikaitkan dengan bahasa kiasan yang dapat diklasifikasikan sebagai implikatur. Hal ini dikatakan demikian kerana implikatur ialah ungkapan yang tidak dapat ditafsirkan maknanya jika dianalisis dari segi makna literalnya sahaja. Dengan erti kata lain, ujaran kiasan tidak dapat diukur berdasarkan ujaran itu semata-mata kerana wujudnya ungkapan yang mendukung makna yang berbeza-beza. Kesilapan pendengar apabila menghuraikan makna ujaran menyebabkan berlakunya gangguan penyampaian makna yang tepat. Bagi pendengar yang tidak cekap berbahasa misalnya, penggunaan implikatur yang membawa makna implisit menyebabkan mesej sebenar disalah tafsir dan tidak dapat disampaikan dengan berkesannya. Menurut Nor Hidayu Hassan lagi, ada kalanya, implikatur dalam bentuk humor kedengaran tidak sopan, lucu, biadap dan kurang menyenangkan bagi pendengar. Dalam kajian ini, unsur bahasa humor implikator ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Unsur bahasa humor implikatur.

Data	Dialog
1	Rahim (Jamal): Ha. Kau dengan dia siapa? Pakya (Haris): <i>Saya boyfriend dia.</i> Rahim (Jamal): (<i>gelak jahat</i> seakan-akan menyindir) Hahahahahaha!!! Umur berapa umur? Pakya (Haris): 24. Rahim (Jamal): (<i>gelak jahat</i> seakan-akan menyindir) Hahahahahaha!!! Badan bau tanah, 24 apa?! Pakya (Haris): Hahahahaha! Penonton Ketawa Serentak

Nota: WJ=Watak Jamal; WH=Watak Haris; WM=Watak Mira.

Data 1 merupakan data unsur bahasa humor dalam bentuk implikatur yang mendukung makna implisit yang dapat dilihat menerusi frasa **badan bau tanah, 24 apa?!** Sebagaimana yang dinyatakan oleh Junaiyah H. M dan E. Zaenal Arifin (2010), implikatur umumnya mempunyai makna yang tersirat daripada apa-apa yang dizahirkan secara harfiah oleh penutur kepada pendengar. Dengan erti kata lain, implikatur ialah ujaran yang berhubung kait antara apa-apa yang diperkatakan dengan apa-apa yang dimaksudkan. Frasa **badan bau tanah, 24 apa?!** dalam Data 1 memperlihatkan data humor yang bersifat implikatur yang ditandai dengan leksikal **tanah**. Kata **tanah** itu sebenarnya dianggap kabur dan mempunyai makna implisit kerana mempunyai pelbagai makna rujukan yang dapat menyebabkan kegagalan pentafsiran makna sebenar. Tambahan pula, kata **tanah** berkolokasi dengan kata **badan** yang menunjukkan badan seseorang berbau tanah. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Perdana* (2020:2237), kata **tanah** secara harfiahnya merujuk: (1) lapisan bumi yang paling atas, (2) keadaan bumi di sesuatu tempat, (3) bahagian permukaan bumi yang diberikan bersepadan, (4) negeri, (5) bahan-bahan bumi.

Tambahan pula, kognisi manusia biasanya berorientasikan relevan Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006). Dengan erti kata lain, pendengar biasanya mewujudkan inferens atau andaian tersendiri selain makna literalnya. Pendengar selalunya menumpukan perhatian dengan matlumat yang relevan dengan dirinya yang diperoleh menerusi catatan ensiklopedia, pembacaan, pengalaman badaniah, budaya, agama dan sebagainya (Rozaimah Rashidin, 2016). Oleh hal yang demikian, keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa frasa

badan bau tanah mempunyai pelbagai inferens, andaian dan rujukan yang dapat mengelirukan pendengar apabila cuba memahami frasa tersebut.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Frasa **badan bau tanah** ini merupakan data humor yang berbentuk implikatur yang melibatkan konsep ad hoc perluasan melalui proses pentaabiran kerana frasa tersebut merupakan frasa humor yang berbentuk implikatur yang secara tidak langsung mendukung makna tersirat yang sukar ditafsirkan. Kebiasaanya, konsep ad hoc perluasan diaplikasikan terhadap ungkapan yang bermetafora, implikatur, perlambangan, kiasan, simile atau bahasa yang tidak dapat dijelaskan atau dikonsepskan domain sasarannya. Melalui penerapan konsep ad hoc perluasan, beberapa andaian dan inferens dapat dibina untuk merungkaikan ketersiratan makna sebenar yang mengambil kira maknanya secara literal atau makna lain, namun perlu didasari oleh keseluruhan konteks. Dalam konteks ini, frasa **badan bau tanah** telah menghasilkan beberapa andaian untuk mendapatkan kesimpulan yang paling relevan seperti yang berikut:

- i. Badan berbau busuk dan hapak
- ii. Badan berbau seperti mayat (rangka membusuk)
- iii. Kematian*
- iv. Bau badan seperti logam

Menerusi konsep ad hoc perluasan ini, pembaca atau pendengar melakukan pemilihan dengan menggugurkan inferens yang tidak relevan, seterusnya menyempitkan makna yang tidak diinginkan. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006), kognisi manusia biasanya berorientasikan relevan. Pendengar selalunya menumpukan perhatian terhadap matlumat yang relevan dengan dirinya yang diperoleh menerusi catatan ensiklopedia, pembacaan, pengalaman badaniah, budaya dan agama (Rozaimah Rashidin, 2016).

Dalam konteks ini, kata **tanah** itu dianggap kabur dan mempunyai makna implisit kerana mempunyai pelbagai makna rujukan yang dapat menyebabkan kegagalan pentafsiran makna sebenar. Namun begitu, sekiranya frasa **badan bau tanah** dalam Data 1 dikaitkan dengan konteks yang melatari keseluruhan ayat, leksikal **tanah** lebih merujuk keadaan yang tidak bernyawa lagi atau dengan erti kata lain, mati atau kematian. Walaupun kata **tanah** memiliki andaian sinonim dengan makna literalnya,

seperti (1) lapisan bumi yang paling atas atau (2) keadaan bumi di sesuatu tempat, kata ini tidak merujuk perkara tersebut. Tambahan pula, kata **tanah** yang berkolokasi dengan kata **badan** yang menunjukkan **badan** seseorang berbau tanah itu sangat tidak relevan. Oleh hal yang demikian, berdasarkan konsep ad hoc perluasan, pembaca memilih andaian yang paling relevan mengikut konteks, iaitu andaian (iii)* kematian bagi menginterpretasi makna frasa **badan bau tanah**. Maka, terhasillah makna yang cuba diinterpretasikan, iaitu leksikal **tanah** membawa maksud mati atau kematian. Dengan berdasarkan pengalaman kognitif yang tersedia, badan merupakan struktur manusia yang mempunyai ribuan jenis sel untuk membentuk tisu dan sistem organ manusia. Hidrogen, oksigen, karbon, kalsium dan fosforus merupakan unsur yang wujud dalam triliunan sel dan komponen bukan sel. Anne Marie Helmenstine (2019) menyatakan bahawa tubuh badan lelaki dewasa mengandungi air sebanyak 42 liter yang bersamaan dengan 62% air, iaitu 19 liter cecair ekstraselular, 3.2 liter plasma darah dan 8.4 liter cecair interstitial dan 23 liter cecair di dalam sel. Hal ini menjelaskan punca manusia berpeluh apabila melakukan aktiviti fizikal atau mengalami peningkatan suhu badan yang mendadak, iaitu peluh dihasilkan oleh kelenjar peluh pada bahagian tapak tangan, tapak kaki, dahi dan ketiak.


Kelenjar peluh ini terbentuk daripada tiub yang berlingkar dan dibekalkan dengan salur darah yang banyak. Salurnya akan naik ke atas dan menembusi permukaan kulit atau dikenali sebagai liang peluh/liang roma yang mengandungi air dan garam. Terdapat dua jenis kelenjar peluh yang utama di dalam tubuh badan manusia, iaitu kelenjar peluh ekrin (merokrin) yang terletak di saluran subkutan (subcutaneous) dan perkumuhan (excretory ducts), seterusnya menembusi ruang epidermis manusia, terutamanya pada tapak tangan dan tapak kaki (Sonny, 2013). Kelenjar peluh apokrin pula wujud pada bahagian kulit, khususnya pada bahagian ketiak (aksila), pubik dan kawasan buah dada (areola). Dengan erti kata lain, bahagian ini menjadi tempat perkembangan bakteria, sekali gus menghasilkan bau badan manusia. Oleh hal yang demikian, bau peluh manusia tidak menghasilkan bau seperti **tanah** sebagaimana yang dikatakan oleh WJ kepada WH dalam Data 1 menerusi ungkapan **badan bau tanah**. Hal ini dikatakan demikian kerana peluh yang terhasil terdiri daripada air (40-70%) dan garam (Anne Marie Helmenstine, 2019; Nursyuhada Mohd Syukri, 2023).

Dalam perkara ini, Imam al-Qurtubi seperti yang dinyatakan dalam Zulkifli Al-Bakri (2022) menyatakan bahawa “Allah SWT menjadikan

kubur kepada manusia bertujuan untuk menutupi mayatnya sebagai satu kemuliaan baginya”. Oleh itu, selain bertujuan untuk menjaga kehormatan mayat atau penghormatan yang terakhir, kubur juga bertujuan untuk mengelakkan pandangan dan baunya yang menjijikkan, di samping menutup keaiban, memelihara maruah mayat dan ahli keluarganya. Oleh hal yang demikian, ungkapan **badan bau tanah** yang diungkapkan oleh WJ kepada musuhnya adalah untuk menyedarkan dan mengupayakan pendengar (WH) bahawa WH sebenarnya sudah hampir dengan kematian ekoran umur sebenarnya yang sudah tua dan telah lanjut usia tetapi masih mempunyai hati terhadap wanita idamannya, WM. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Zuhair et al. (2018), kata atau ujaran yang berbentuk implikatur yang terdapat dalam ujaran tersebut sebenarnya memberikan implikasi terhadap ketepatan makna niat penutur.

Pemetaan Domain

Melalui proses simulasi, frasa **badan bau tanah** dapat menghasilkan skema imej dan metafora konseptual. Hal ini dikatakan demikian kerana proses simulasi melibatkan pendekatan linguistik kognitif dan pemetaan dua domain. Dalam konteks ini, penghasilan skema imej bagi frasa **badan bau tanah** ialah skema imej LALUAN yang dapat dilihat melalui pembuktian linguistik daripada leksikal **tanah**. Pemetaan domain tersebut adalah seperti yang berikut:



Metafora Konseptual: KEMATIAN IALAH PERJALANAN

Domain sumber badan bau tanah dipetakan kepada domain sasaran, iaitu KEMATIAN. Hasil daripada pemetaan kedua-dua domain ini seterusnya membawa kepada pembentukan metafora konseptual, iaitu KEMATIAN IALAH PERJALANAN, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), skema imej LALUAN ini melibatkan gerakan yang berbentuk abstrak atau konkrit dari suatu tempat ke tempat yang lain yang terdiri daripada titik permulaan, titik tengah dan titik yang terakhir (Johnson, 1987). Oleh hal yang demikian, frasa **badan bau tanah** ini dapat ditunjukkan seperti dalam gambar

Rajah 1. Melalui pembentukan konseptual ini juga, pembaca dapat memahami bahawa KEMATIAN manusia merupakan suatu perjalanan. Dengan berdasarkan pengalaman kognitif yang tersedia, laluan merupakan suatu jalan yang menjadi landasan atau tempat gerakan pergi dan balik bagi manusia.



Rajah 1 Skema Imej LALUAN frasa “badan bau tanah”.

Misalnya, frasa **badan bau tanah**, **24 apanya?!** dalam konteks Data 1 sebenarnya menggambarkan niat sebenar WJ, iaitu memerli WH mengenai umurnya menerusi kata **tanah** yang bertindak sebagai humor implikatur. Baginya, WH terlalu tua dan sudah lanjut usia untuk menyalurkan hubungan cinta dengan wanita idamannya, WM, iaitu wanita muda yang cantik dan memiliki paras rupa yang menawan. Dalam konteks Data 1, WH merupakan watak yang dilakonan oleh Ilya Buang atau mesra dipanggil sebagai Pak Ya yang berumur 58 tahun. Pak Ya memegang watak teman lelaki WM yang cuba menyelamatkan WM yang dipaksa berkahwin dengan WJ bagi melunaskan hutang ayahnya terhadap WJ. Kata implikatur **tanah** yang dianggap untuk memerli umur sebenar WH turut dapat diperkukuh dengan maklumat tambahan menerusi frasa **24 apanya?!** Maklumat tambahan ini bertujuan untuk membantu pendengar memahami keseluruhan konteks sebenar ujaran tersebut (Muhammad Zaid Daud, 2018).

Tambahan lagi, soalan yang diajukan oleh WJ kepada WH juga berkenaan mengenai umur yang dapat dilihat menerusi frasa **kau ni siapa? Umur berapa?**. Soalan tersebut juga dijawab dengan pernyataan **24** yang secara tidak langsung membangkitkan humor dan geli hati dalam kalangan pelawak dan penonton yang mendengarnya kerana menyedari bahawa WH sudah berumur 58 tahun pada hakikat dan realitinya. Selain itu juga, data D1, iaitu **badan bau tanah** turut menghasilkan metonimi konseptual TANAH MELAMBANGKAN KEMATIAN. Dalam metonimi konseptual, data ini digunakan untuk fenomena rujukan, iaitu


sesuatu entiti diganti dengan dengan satu daripada ciri atau sifat rujukan tersebut sebagaimana yang diperkatakan oleh Lakoff dan Johnson (1980, hlm. 35) iaitu "... one entity to refer to another that is related to it ...". Fungsi metonimi lebih bersifat rujukan dan melibatkan hubungan konsepsi "merujuk kepada" atau "melambangkan" antara dua entiti (Kovecses & Szabo, 1996). Menurutnya lagi, "... metonymy is a cognitive process in which one conceptual entity, the vehicle, provides mental access to another conceptual entity, the target, within the same domain or idealized cognitive model (ICM)" (hlm. 19).

Dengan erti kata lain, metonimi konseptual mempunyai hubungan yang sangat dekat dalam satu lingkungan atau domain yang sama (konkrit dan konkrit). Hal ini selari dengan kenyataan Knowless dan Moon (2006), iaitu "conceptual metonyms are coventially written by mentioning the vehicle entity first and the target second" (hlm. 54). Metonimi ini dibina berdasarkan hubungan keterkaitan yang dapat dilihat menerusi hubungan antara domain sumber, dan maksud/topik/konteks (domain sasaran). Oleh itu, Keraf (1994) mendefinisikan metonimi sebagai gaya bahasa yang menggunakan kata untuk menyatakan sesuatu yang lain kerana mempunyai hubungan yang sangat rapat. Jika metafora secara literal tidak benar atau mustahil, metonimi dapat dikatakan sebahagiannya benar (Knowles & Moon, 2006:7). Hal ini berkaitan dengan domain sumber dan domain sasaran. Metafora mempunyai dua domain yang sama sekali berbeza, manakala domain sumber dan domain sasaran dalam metonimi berada dalam bidang (domain) yang sama. Dengan berdasarkan Data 1, leksikal **tanah** merupakan perlambangan atau tanda bagi menuju kematian kerana usia sebenar Haris yang telah lanjut dalam konteks melakukan perkara yang golongan muda sering lakukan, seperti percintaan.

Rantau Konseptual

Setelah proses tiga serangkai yang melibatkan penerapan konsep ad hoc dan pemetaan domain, rantau konseptual bagi Data 1 dibentuk. Rantau konseptual merupakan suatu kawasan atau tempat abstrak yang terdapat dalam minda manusia yang berkumpulnya pemahaman makna kata daripada pelbagai elemen, seperti skema imej, domain, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Dengan berdasarkan Data 1, frasa **badan bau tanah** dapat dibina rantau konseptualnya melalui penerapan konsep ad hoc peluasan dan pemetaan domain yang dilakukan dalam

proses pentaabiran dan proses simulasi. Dengan adanya rantau konseptual yang dibentuk, pemahaman terhadap sesuatu kata, leksikal atau frasa makin jelas dan mudah diinterpretasikan. Rantau konseptual bagi Data 1 berjaya dihasilkan melalui pengaplikasian teori hibrid bagi frasa **badan bau tanah** seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Rantau konseptual metafora KEMATIAN bagi frasa “badan bau tanah”.

PERBINCANGAN

Melalui pengaplikasian teori hibrid, 81 data humor daripada sembilan episod sitkom komedi Melayu bermula dari Jun 2022 hingga Oktober 2022 didapati membentuk beberapa metafora konseptual. Data yang dikelompokkan sebagai humor bersifat metafora dan mengandungi makna implisit sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Kekerapan metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Kekerapan
1.	EMOSI	
	• CINTA	14
	• KESEDIHAN	6
	• KEMARAHAN	5
	• MALU	5
	• PERASAAN	4
	• KASIH SAYANG	4
	• KEGEMBIRAAN	3
	• KESUKAAN	3
2.	KEMATIAN	9
3.	KEBAHAGIAAN	7
4.	REZEKI	6
5.	KEHIDUPAN	5
6.	KEJAHATAN	4
7.	PERKAHWINAN	3
8.	KESEMPURNAAN	3
Jumlah		81

Dengan berdasarkan Jadual 2, pola metafora konseptual yang terhasil daripada makna implisit bagi unsur bahasa humor dalam sitkom komedi Melayu ini jelas memperlihatkan bahawa metafora konseptual EMOSI (CINTA, KEMARAHAN, KESEDIHAN, MALU dan lain-lain), KEMATIAN dan KEBAHAGIAAN merupakan tiga domain sasaran yang merupakan unsur abstrak yang paling tinggi kekerapannya berbanding dengan unsur abstrak yang lain untuk menghidupkan jalan cerita sitkom

komedi Melayu ini. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa semua metafora konseptual ini merupakan konsep abstrak yang mengandungi makna yang pelbagai yang cuba dibawa, diketengahkan dan dipersembahkan oleh pelawak sitkom komedi kepada masyarakat dalam bentuk komedi. Menurut Rahim Muda seperti yang dinyatakan dalam Fahmi Faiz (2021), humor yang berbentuk komedi bukan hanya lawak dan jenaka semata-mata, tetapi dipersembahkan untuk memberikan mesej kepada masyarakat. Bahagian seterusnya membincangkan lima metafora konseptual yang paling dominan penggunaannya dalam sitkom komedi yang telah dikaji, iaitu CINTA, KEMATIAN, KEBAHAGIAAN, REZEKI dan KEHIDUPAN. Data konseptual ini dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
1.		CINTA
a.	CINTA IALAH OBJEK	Jep (Abbas): (<i>sambil menjeling</i>) Dan saya tidak sewenang-wenangnya ada hati dengan perempuan. (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Rahim (Abbas): Hei! Yang kau nak ada hati ni kenapa? Ni aku yang bawa, kawan aku.
b.	CINTA IALAH SEBUAH BEKAS	Jep (Datuk Khalid): Mona boleh duduk sini tak? Nasha Aziz (Mona): Takpe, Mona tunggu abang duduk dulu. Jep (Datuk Khalid): Tak, Mona boleh duduk tak? Nasha Aziz (Mona): (<i>Mona mengangguk</i>) Jep (Datuk Khalid): Bukan di sini, tapi Mona duduk di hati abang ... (<i>Penonton ketawa serentak</i>)
c.	CINTA IALAH PERJALANAN	Pakya (Akmal): Ok takpe. Nanti abang pujuk ayah. Jom, jom naik. Kita jalan-jalan dulu. Nak ke mana? Shaza Bae (Wani): Nak ke hati abang. (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Pakya (Akmal): (<i>ketawa kegembiraan</i>) Alahhhh hahahahahaha sila sila naik ... sempat lagi try tu.

Sambungan **Jadual 3** Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
1.		CINTA
	d. CINTA IALAH BINAAN	Ebby Yus (Najib): Cinta ni boleh buat-buat ke? Nabila Huda (Nisa): Boleh ayah. Ebby Yus (Najib): (<i>nada risau</i>) Eh, janganlah Nisa. Yang kau nak jatuh cinta ni perompak. Ayah tak kisah mungkin cara kau, tapi janganlah sampai betul-betul jatuh hati. Menyamar jekan? Nabila Huda (Nisa): Ye, ayah. Menyamar je. Takkan jatuh hati, <i>confirm</i> .
2.		KEMATIAN
	a. KEMATIAN IALAH KITARAN	Pak Ya (Tuan Mazlan): Dan kemungkinan ada kedai emas yang bakal dirompak. Ebby Yus (Najib): Eloklah kau jaga dia sebabnya dia jelah yang tinggal lagi. Orang rumah dah takda . Tinggal dia sorang jelah.
	b. KEMATIAN IALAH PERJALANAN	Jep (Abbas): (<i>nada tegas</i>) Memang betul antara kita memang kena pergi, Li . Aku yakin perempuan tu cuma perangkap kau. (<i>nada tinggi</i>) Hei! Kalau kau ada harta, takpelah jugak dia nak ngorat-ngorat kau! Kau apa je ada?! Cakap dengan aku! Rahim (Abbas): (<i>nada tinggi</i>) Rupa! (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Jep (Abbas): (<i>tertawa kecil</i>) Hei, kalau kau mengaku kau ada rupa, aku bagi jela duit aku. Kau mengaku jela kau ada harta. Janganla kau mengaku kau ada rupa, harta jela dah cukup.
	c. KEMATIAN IALAH TATATINGKAT DI BAWAH	Rahim (Jamal): Ha. Kau dengan dia siapa? Pakya (Haris): Saya <i>boyfriend</i> dia. Rahim (Jamal): (<i>gelak jahat seakan-akan menyindir</i>) Hahahahahaha!!! Umur berapa umur? Pakya (Haris): 25. Rahim (Jamal): (<i>gelak jahat seakan-akan menyindir</i>) Hahahahahaha!!! Badan bau tanah, 25 apa! Pakya (Haris): Hahahahaha! (<i>Penonton ketawa serentak</i>)

Sambungan **Jadual 3** Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
3.		KEBAHAGIAAN
a.	KEBAHAGIAAN IALAH TATATINGKAT DI ATAS	Nabila Huda (Nisa): Oh, Ali. Saya ada soalan untuk awak. Rahim (Ali): Silakan. Nabila Huda (Nisa): Awak tahu tak beza awak dengan emas dekat kedai ni? Rahim (Ali): Apa bezanya? Nabila Huda (Nisa): Emas dekat kedai ni menyinari kedai ni. Tapi awak menyinari hidup saya. <i>(Penonton ketawa serentak)</i> <i>(Sorakan dan tepukan penonton)</i>
b.	KEBAHAGIAAN IALAH PERJALANAN	Jep (Omar): Mira, Mira ..., Ayah minta maaf. Ayah betul-betul berdosa dengan Mira. Allah selamatkan kita Mira. Haris, terima kasih banyak-banyak Haris. Terima kasih banyak-banyak. Pakya (Haris): Pakcik, sebenarnya takde jalan pintas untuk bahagia. Jep (Omar): Alamak, kau <i>sound sound</i> akula <i>(Penonton ketawa serentak)</i> Jep (Omar): Aku tahu aku ayah tak guna, ayah yang gagal. Tapi janganlah <i>sound sound</i> aku.

Sambungan **Jadual 3** Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
3.		KEBAHAGIAAN
	c. KEBAHAGIAAN IALAH DAYA	Pakya (Megat): Ayah ... bapak Mona ialah Pakcik Hilal. Dia selalu merancang benda yang tak elo... Jep (Datuk Khalid): (<i>Datuk Khalid terus memotong cakap dan memarahi anaknya</i>) BIADAP! (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Jep (Datuk Khalid): Sanggup kau merampas kebahagiaan ayahnya? Kau tak suka tengok ayah gembirakan? (<i>Sorakan dan tepukan penonton</i>) Pakya (Megat): (<i>cuba merayu kepada ayahnya</i>) Ayah, saya sayang ayah ... Jep (Datuk Khalid): Sayang... ??? Itu cemburu, bukan sayang! (<i>Penonton ketawa serentak</i>)
4.		REZEKI
	a. REZEKI IALAH OBJEK YANG BERNILAI	Ebby Yus (Tuan Mahmud): Heyy hey hey dah dah. Sabar sabar ... karang aku jugak yang susah, sabar. Jep (Pak Budi): (<i>terus membuat aksi seakan-akan orang yang sedang silat</i>) Aku ni kebetulan lepas tengok Mat Kilau ni ... (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Jep (Pak Budi): Ha ... aku ni bukan boleh. Itu urusan korang. Aku memang takkan ubah beca aku. Biarla periuk nasi aku, pandaila aku jaga sendiri.

Sambungan **Jadual 3** Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
4.		REZEKI
	b. REZEKI IALAH DAYA	Pakya (Pak Razak): Kau jangan berlakon lagila Derih ... ! Rina! Kalau kau nak sangat dengan orang tua, kau cakap dengan aku. Biar aku nikahkan kau dengan orang tua ni! Jep (Pak Idris): Kenapa rezeki datang bergolek ni ... <i>(Penonton ketawa serentak)</i> Jep (Pak Idris): Aku memang tak nak. Aku tak boleh. Tapi kalau laluan tu mudah, aku ok je. <i>(Penonton ketawa serentak)</i>
	c. REZEKI IALAH TATINGKAT DI ATAS	PakYa (Basri): <i>(menyindir Rahmat)</i> Pualah hati kau kan? Hahaha kawan kau sendiri nak larikan diri dari sini. Jep (Zubir): <i>(nada yang sangat sedih dan begitu kecewa dengan tindakan Rahmat terhadap dirinya)</i> Rahmat, aku doakan kau mat. Mudah-mudahan mak kau sihat. Mak kau sihat, kau pun dimudahkan rezeki. Aku ko jangan tanya aku pergi mana mat. Ulat dalam batu pun boleh hidup, mat. <i>(Sorakan dan tepukan penonton)</i> PakYa (Basri): <i>(sedih dan kecewa)</i> Dah tu, aku ni macam mana ... ? Jep (Zubir): Kau ikutla dia, dia orang baik, aku orang jahat.

Sambungan **Jadual 3** Contoh data metafora konseptual dalam sitkom komedi Melayu.

Bil.	Metafora Konseptual	Contoh Data
5.		KEHIDUPAN
a.	KEHIDUPAN IALAH SEBUAH BEKAS	Rahim (Zali): Hei Nadiah ... aku nak bagi tahu kau. Sejak kau tolak pinangan aku dulu tu, aku rasa kau buat kesilapan yang paling besar dalam hidup kau. Sekarang kau tengok, macam mana hidup kau, keadaan kau. Dengan rupa cantik macam ni ha, terpaksa hantau makanan kat kandang lembu. Lembu tu lembu aku pulak tu. Kau bayangkan kalau kau kawin dengan aku? Lembu tido dengan kau. (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Datin Lisa Surihani (Nadiah): Masalahnya abang Zali ... saya sebenarnya memang kurang minat dengan orang yang rambut skema macam ni (<i>Penonton ketawa serentak</i>)
b.	KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN	Jep (Pak Idris): (<i>Pak Idris yang masih meratapi kematian isterinya mula meluahkan rasa yang terbuku dalam hati</i>) Aku ni sekadar melalui sisa-sisa hidup aku je ni ... dah takde apa yang nak diisi lagi dalam kehidupan ni Pakya (Pak Razak): La ... tula yang aku cakap kena move on ... Jep (Pak Idris): Maksud engkau ...? Pakya (Pak Razak): Move, bergerak ke depan. Hahahaha (<i>Penonton ketawa serentak</i>)
c.	KEHIDUPAN IALAH PERJUDIAN	Rahim (Hilal): Agak-agakla Ebby Yus (Malik): Eh, kau berjudi lagi?! Rahim (Hilal): Ala, hidupkan satu perjudian. Kau tak pernah dengar hidup tu satu perjudian? (<i>Penonton ketawa serentak</i>) Ebby Yus (Malik): Heiii cukup-cukupla tu kau tak payahla berjudi. Kau dah kaya dah, apa yang kau nak lagi?!

Metafora Konseptual CINTA

CINTA ialah pengalaman manusia yang universal (Treger et al., 2013). Perasaan ini dianggap sebagai emosi asas manusia yang dapat wujud dalam pelbagai bentuk dan menyebabkan pelbagai tindak balas kognitif yang afektif dan tingkah laku (Hatfield, & Rapson, 1993). Dengan erti kata lain, emosi ini dapat dialami dalam suatu perhubungan, sama ada hubungan antara manusia dengan manusia (pasangan, suami isteri, ibu bapa, sahabat) dan hubungan dengan organisme hidup (haiwan dan tumbuhan). Namun demikian, CINTA yang pada awalnya wujud sebagai emosi (abstrak) ini diperihalkan sebagai objek atau benda yang nyata dan bernilai. Jenis metafora ini dikategorikan sebagai metafora ontologi yang membantu manusia memahami sesuatu pengalaman yang abstrak, seperti peristiwa, aktiviti dan emosi, berdasarkan bentuk yang lebih konkrit (Lakoff, & Johnson, 1980). Metafora ini melibatkan cara manusia melihat konsep yang tidak dapat dikesan melalui pengalaman deria sebagai satu entiti yang dapat dilihat, dikesan dan dirasai.

Data 1a hingga 1d dalam Jadual 3 menunjukkan contoh data metafora yang mengkonseptualkan cinta. Konsep abstrak CINTA yang secara dasarnya ditakrifkan sebagai emosi, iaitu perasaan kasih sayang yang kuat terhadap seseorang atau sesuatu yang hadirnya secara semula jadi tanpa paksaan, diperihalkan sebagai objek, perjalanan yang jauh dan sebuah ikatan hasil daripada pembentukan metafora konseptual CINTA ADALAH OBJEK menerusi ungkapan **Dan saya tidak sewenang-wenangnya ada hati dengan perempuan**. Hal ini memperlihatkan bahawa pelawak ini cuba menjelaskan bahawa CINTA itu perkara yang perlu dijaga dan dipelihara kesuciannya berpaksikan tuntutan fitrah tanpa dicemari oleh hawa syahwat untuk mencapai kebahagiaan, ketenangan, kedamaian dan keamanan dalam kelangsungan sesebuah perhubungan manusia. Hal yang sama turut berlaku pada pengkonsepsian CINTA IALAH SEBUAH BEKAS, CINTA IALAH PERJALANAN, CINTA IALAH BINAAN dan CINTA IALAH SUATU IKATAN YANG BERPANJANGAN.

Metafora Konseptual KEMATIAN

KEMATIAN pula ditakrifkan sebagai ketiadaan atau pengakhiran hidup manusia yang melibatkan satu proses perpisahan roh manusia daripada badan ke alam barzakh atau alam baqa (Amini Amir Abdullah, 2014). Konsep kematian ini merupakan fungsi biologi manusia yang akan dirasai oleh jasad yang bernyawa sebagai penamatan hidup di dunia. Oleh hal yang

demikian, pengkaji mendapati bahawa konsep KEMATIAN dijelaskan sebagai suatu kitaran perjalanan menerusi pembentukan metafora konseptual KEMATIAN ADALAH KITARAN, KEMATIAN ADALAH SUATU PERJALANAN dan KEMATIAN ADALAH TATATINGKAT DI BAWAH yang disampaikan secara tidak langsung dalam bentuk humor yang berimplikatur yang dapat dilihat dalam ungkapan **Orang rumah dah tak da, hari ni, salah satu antara kita kena pergi, badan bau tanah, 24 apa?!** seperti dalam Data 2a hingga 2c dalam Jadual 3.

Aliran, kitaran, tahap, arah dan kedudukan ini diklasifikasikan sebagai metafora jenis orientasi atau metafora ruang (Lakoff, & Johnson, 1980). Metafora ini mengorganisasikan seluruh sistem konsep yang berbeza-beza yang dapat memperlihatkan hubungan berlawanan antara satu dengan lain, seperti DALAM–LUAR, ATAS–BAWAH, HADAPAN–BELAKANG, KELUAR–MASUK, HIDUP–MATI dan SUMBER–SASARAN. Dalam hal ini, pelawak sitkom komedi cuba memerihalkan konsep KEMATIAN itu sebagai suatu peringatan bahawa hidup manusia diumpamakan sebagai kitaran. Dengan erti kata lain, konsep KEMATIAN ini mempunyai peringkat awalnya dan akan tiba pada akhirnya. Hal ini bermakna bahawa KEMATIAN ini ialah kitaran hidup dalam fitrah kejadian manusia yang diwajibkan oleh Allah SWT terhadap tiap-tiap hambanya (Ahmad Ansory Morshid, 2010) yang merupakan suatu perjalanan panjang yang perlu dilalui oleh setiap manusia, walaupun tidak suka atau tidak bersedia dan biarpun seberapa kaya dan berkuasa seseorang manusia itu.

Metafora Konseptual KEBAHAGIAAN

Kebahagiaan ialah suatu keadaan yang dicirikan oleh perasaan kepuasan dengan kehidupan seseorang atau situasi semasa manusia (Ackerman, 2019). Dengan berdasarkan Data 3a, 3b dan 3c dalam Jadual 3, pengkaji melihat bahawa konsep KEBAHAGIAAN telah membentuk metafora konseptual KEBAHAGIAAN IALAH TATATINGKAT DI ATAS. Domain sumber TAHAP melalui skema imej TATATINGKAT ini menunjukkan bahawa dalam konsep KEBAHAGIAAN ini, wujud unsur pengaliran yang merangkumi arah dan pergerakan ATAS–BAWAH yang dapat memperlihatkan peringkat, tingkat atau kedudukan yang memandu manusia untuk menemui perbezaan. Misalnya, pelakon komedi yang dianalisis melihat kebahagiaan ini sebagai perasaan dan pandangan hidup manusia yang bermakna apabila tujuan dan matlamatnya tercapai (TATATINGKAT DI ATAS) dan dapat berubah-ubah, serta tidak tetap

apabila matlamat dan tujuan hidupnya tidak tercapai (TATATINGKAT DI BAWAH).

Kebahagiaan yang dimaksudkan tidak hanya terbatas pada perasaan subjek, seperti senang dan gembira sebagai aspek emosional, tetapi merangkumi pengembangan seluruh aspek kemanusiaan seseorang, iaitu aspek moral, emosi, sosial dan rohani. Misalnya, apabila seseorang menetapkan tujuannya untuk mengumpul harta, dirinya sedaya upaya bekerja untuk mengumpulkan harta kekayaannya (kebahagiaan) dengan cara apa-apa sekalipun. Bagi manusia yang meletakkan cintanya kepada manusia lain sebagai matlamat hidupnya, dirinya akan cuba sehabis mungkin untuk mendapatkan cinta tersebut sebagai kebahagiaan hidupnya. Sebaliknya, apabila manusia ingin melangsungkan kehidupannya dengan berpaksikan tali keimanan, amal dan takwa terhadap tuhan, itulah petunjuk kebahagiaannya. Hal yang sama berlaku pada metafora konseptual KEBAHAGIAAN IALAH PERJALANAN dan KEBAHAGIAAN IALAH DAYA.

Metafora Konseptual REZEKI

Data 4a, 4b dan 4c dalam Jadual 3 menghasilkan contoh metafora konseptual REZEKI. REZEKI dari perspektif linguistik berasal daripada kata “*razaqa*” yang bererti kekayaan, nikmat, anugerah, warisan, nasib, kesihatan dan pemberian (Zulfan Auria, 2020). Dari sudut istilah secara harfiahnya, rezeki merupakan sesuatu yang dapat dimanfaatkan oleh manusia, sama ada dari sudut makanan, pakaian, kehidupan, kesihatan yang baik atau ganjaran yang diperoleh. Dalam hal ini, konsep REZEKI diibaratkan sebagai daya hasil daripada pembentukan REZEKI IALAH DAYA. Dengan erti kata lain, pemikiran pelakon sitkom komedi *Sepahtu Reunion Live 2022* memerihalkan konsep REZEKI ini sebagai suatu yang sangat erat hubungannya dengan usaha, tenaga, keupayaan, kekuatan dan kemampuan manusia. Setiap manusia itu dituntut dan dipertanggungjawabkan supaya berusaha mencari dan mendapatkan rezekinya, iaitu sesuatu yang bermakna yang dikurniakan oleh Tuhan untuk keperluan rohani dan jasmani. Hal ini dikatakan demikian kerana rezeki datang dalam bentuk yang pelbagai, seperti pendapatan, gaji, nafkah, ganjaran, atau pencapaian kehidupan dan kesihatans. Walaupun Allah SWT menetapkan jaminan rezeki bagi setiap manusia, pemberian itu mesti disertai oleh usaha. Usaha (DAYA) ialah perkara paling utama dalam pencarian rezeki bagi mengelakkan pengangguran dan perbuatan yang suka meminta-minta.

Metafora Konseptual KEHIDUPAN

Konsep KEHIDUPAN diibaratkan sebagai sebuah bekas hasil daripada pembentukan metafora konseptual KEHIDUPAN IALAH SEBUAH BEKAS menerusi ungkapan **dah takde apa yang nak diisi lagi dalam kehidupan ni**. Pengkaji melihat pelawak ini memerihalkan konsep KEHIDUPAN ini kepada masyarakat, sama seperti fungsinya sebagai sebuah bekas yang mempunyai dimensi ruang untuk memenuhi keperluan khusus hidup manusia. Bagi pelawak ini, setiap manusia bertanggungjawab secara peribadi bagi menentukan corak kehidupannya sendiri untuk meningkatkan kualiti hidup masing-masing, baik dari sudut kesejahteraan fizikal, psikologi, sosial atau kesejahteraan agama. Dengan erti kata lain, hidup manusia perlu diisi inti pati di dalamnya dengan kepelbagaian perkara, sama ada positif atau negatif, tujuan hidup, kebebasan berkehendak, sikap, fikiran, emosi, nilai dan sebagainya.

Namun begitu, perkara tersebut bergantung sepenuhnya pada pilihan manusia itu sendiri untuk menjadikan suatu kehidupan itu lebih berharga dan bermakna. Kebermaknaan hidup perlu dicari dan ditentukan sendiri oleh setiap manusia. Apabila hasrat hidup bermakna tersebut terpenuhi, manusia berasa kehidupannya bermakna. Hal ini dikenali sebagai metafora orientasi. Rozaimah Rashidin (2016) menyatakan bahawa metafora orientasi merujuk pengalaman atau entiti abstrak yang diprojsikan kepada entiti konkrit yang tidak khusus, seperti BEKAS dan OBJEK. Pengkonsepsian entiti abstrak kepada entiti konkrit ini memperlihatkan bahawa minda pemikiran pelawak menggunakan kaedah secara simbolik kerana melakukan pentafsiran bagi memahami dan menjelaskan konsep metafizik yang di luar pengalaman manusia yang mengambil kira realiti kewujudan dalam masyarakat Melayu yang bersumberkan alam.

KESIMPULAN

Pelawak dalam sitkom komedi yang telah dianalisis membawa konsep CINTA, KEMATIAN, REZEKI, KEHIDUPAN, KEBAHAGIAN dan konsep abstrak lain kepada masyarakat yang menunjukkan bahawa konsep ini bukan sekadar perasaan abstrak semata-mata, tetapi konsep ini dapat digambarkan dengan kaedah berfikir secara simbolik, iaitu menjelaskan sesuatu yang sukar digambarkan kepada konsep metafizik, iaitu ilmu pengetahuan tentang alam yang luar biasa yang tidak kelihatan dan bersifat abstrak. Dengan erti kata lain, konsep ini wujud sebagai kitaran, aliran dan

perubahan sosial, serta berkait rapat untuk menyempurnakan kehidupan manusia. Misalnya, CINTA sebagai perasaan berfungsi sebagai pendorong kebahagiaan, pengaruh terhadap pertumbuhan peribadi, kesihatan dan ketenteraman emosi manusia. REZEKI pula berfungsi untuk memenuhi keperluan dasar manusia, seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. KEBAHAGIAAN pula, selain daripada pencapaian tujuan dan kepuasan, konsep ini mampu membina hubungan sosial yang positif antara manusia. Konsep KEMATIAN pula dikenali sebagai batas dan penamat terakhir bagi fungsi biologi yang mentakrifkan organisma hidup.

Dalam hal ini, pelawak ini cuba mengkonseptualisasikan perkara yang abstrak kepada benda yang wujud (konkrit). Hal ini dikenali sebagai proses konseptualisasi menerusi pemetaan dua domain yang melibatkan unsur abstrak dan konkrit, seterusnya membentuk metafora konseptual dan metonimi konseptual. Proses ini membantu pendengar untuk memahami unsur abstrak melalui perkara yang bersifat konkrit, benda yang wujud dan realiti kewujudan. Misalnya, CINTA IALAH OBJEK, KEMATIAN IALAH SUATU PERJALANAN, KEBAHAGIAAN IALAH TATATINGKAT DI BAWAH, REZEKI IALAH DAYA dan KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa pelawak ini cuba memerihalkan konsep abstrak ini kaedah berfikir secara simbolik, iaitu menjelaskan sesuatu yang sukar digambarkan konsep metafizik, iaitu ilmu pengetahuan tentang alam yang luar biasa yang tidak kelihatan, serta bersifat abstrak (Hassan Ahmad, 2003).

Hasil dapatan juga memberikan kesimpulan bahawa sitkom komedi ini dilakonkan dengan gaya teater ciptaan bersama (*devised theater*), iaitu kaedah teater yang direka berdasarkan improvisasi dan eksperimen yang bermaksud segala pemikiran, idea dan pengalaman disampaikan secara spontan tanpa menggunakan skrip (Anna Lehtonen, 2012). Penyampaian idea dan pemikiran pelawak bagi memerihalkan kehidupan masyarakat kini mampu disampaikan dengan baik dan berkesan dan dapat difahami walaupun bahasa humor yang digunakan mengandungi makna implisit yang bersifat metafora yang mampu menjadi pengubah sikap, persepsi dan tanggapan manusia terhadap sesuatu, mewujudkan kesan yang lebih mendalam dan kreatif, dan yang paling utama ialah bahasa humor ini mampu memberikan kesan dan tindak balas yang baik dan positif terhadap psikologi manusia.

PENGHARGAAN

Pengarang ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, atas pembiayaan Geran Insentif Penyelidikan (GIP)-PY/2022/01012 untuk menjalankan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UiTM Shah Alam dan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

SUMBANGAN PENGARANG

Nor Umiumairah Mohamad: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, pengintepretasian hasil serta penulisan dan penyediaan makalah; Rozaimah Rashidin: Analisis, pengintepretasian hasil dan penulisan, termasuk penyediaan, semakan dan pengesahan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang utama [Nor Umiumairah Mohamad] atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Aarons, D. (2012). *Jokes and linguistic mind*. Routledge.
- Ackerman, Courtney. (2019). Life satisfaction theory and 4 contributing factors. <https://positivepsychology.com/life-satisfaction/>.
- Amini Amir Abdullah. (2014). Mengingati mati dan peringatan untuk mati: Renungan untuk yang hidup. Universiti Putra Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/BAB14AminiAmirAbdullah.2014.IslamYangDinamik.SerdangPenerbitUniversitiPutraMalaysia..pdf
- Aria Bayu Setiaji, & Enggal Musalin. (2021). Wacana humor dalam spanduk Covid-19 (Kajian pragmatik). *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(2), 403–415. <https://doi.org/10.23887/jjpbs.v1i1i4.39701>

- Asmah Haji Omar. (2008). Bahasa humor. Dalam Asmah Haji Omar (Penyunting), *Ensiklopedia bahasa Melayu* (hlm. 226–235). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Attardo, S. (1994). *Linguistic theories of humor*. Mouton de Gruyter.
- Attardo, S. (2008). A primer for the linguistics of humor. Dalam V. Raskin (Penyunting), *The primer of humor research* (hlm. 101–156). Mouton de Gruyter.
- Chafi, A., Schiaratura, L., & Rusinek, S. (2012). Three patterns of motion which change the perception of emotional faces. *Psychology*, 3, 82–89. <https://doi.org/10.4236/psych.2012.31014>
- Creswell, J. W. (2008). *Research design*. SAGE Publications Ltd.
- Davis, D. (2008). *The primer of humor research* (hlm. 543–568). De Gruyter.
- Dynel, M. (2009). Humour and irony in interaction: From mode adoption to failure of detection. *International Review of Pragmatics*, 1(2), 289–313.
- Fahmi Faiz. (2021, 12 Disember). Sitkom 90-an sudah tampilkan Keluarga Malaysia. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/gaya/2021/12/sitkom-90-an-sudah-tampilkan-keluarga-malaysia/>
- Ghazali Darusalam, & Sufean Husin. (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan. Penerbit Universiti Malaya.
- Gibbs, R. W. (1994). *The poetics of mind: Figurative thought, language, and understanding*. Cambridge University Press.
- Goatly, A. (2012). *Meaning and humour*. University Press.
- Hafifi Horace. (2021). Kaedah humor dalam pengajaran oleh guru bahasa Melayu di sekolah rendah: Satu kajian fenomenologi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 63–70. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.88463>
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis, & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 53–71. <https://journalarticle.ukm.my/10149/1/10203-38505-1-PB.pdf>
- Hassan Abd Muthalib. (2015, 2 Januari). Sinema Malaysia tahun 2014: Yang terbaik datang dari mana? Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/sinema-malaysia-tahun-2014-yang-terbaik-datang-dari-mana-51393>
- Hatfield, E., & Rapson, R. L. (1993). *Love, sex and intimacy: Their psychology, biology and history*. HarperCollins.
- Hazlin Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud, & Maizatul Haizan Mahbob. (2016). Peranan media sebagai alat kesedaran sosial dalam kalangan orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 471–488. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2016-3202-24>.
- Hishamudin Isam, & Norsimah Mat Awal. (2012). Nilai setia dari perspektif prosodi semantik: Analisis berbantu data korpus. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 359–371.

- John Morreall. (2009). *Humor as cognitive play*. Wiley-Blackwel.
- Johnson, M. (1987). *The body in the mind: The bodily basis of meaning, imagination, and reason*. University of Chicago Press.
- Junaiyah H. M., & E. Zaenal Arifin. (2010). *Keutuhan wacana*. Grasindo.
- Kamus dewan perdana. (2022). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. (1981). *Eksposisi dan deskripsi*. Nusa Indah.
- Knowles, M., & Moon. R. 2006. *Introducing Metaphor*. Routledge.
- Kövecses, Z. (2000). *Metaphor and emotion: Language, culture and body in human feeling*. Cambridge University Press.
- Kövecses, Z. (2002). *Metaphor: A practical introduction*. Oxford University Press.
- Kövecses, Z. (2010). *Metaphor: A practical introduction 2nd Edition*. Oxford University Press.
- Kovecses, Z., & Szabo, P. (1996). Idioms: A view from cognitive semantics. *Applied Linguistics*, 17(3), 326–355. <https://doi.org/10.1093/applin/17.3.326>
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago University Press.
- Lakoff, G., & Kövecses, Z. (1987). The cognitive model of anger inherent in American English. Dalam D. Holland & N. Quinn (Penyunting), *Cultural models in language and thought* (hlm. 195–221). Cambridge University Press.
- Lehtonen, A. (2012). Future thinking and learning in improvisation and a collaborative devised theatre project within primary school students. *Procedia of Social and Behavioral Sciences*, 45(5), 104–113. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.547>
- Maalej, Zouhair. (2004). Figurative language in anger expressions in Tunisian Arabic: An extended view of embodiment. *Metaphor and Symbol*, 19(1), 51–75.
- Martin, R. A. (2007). *The psychology of humor: An integrative approach*. Elsevier Academic Press.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2023). Kaedah adaptasi sastra pada film: Satu kajian perbandingan antara cerpen Amerika “Barn Burning” dengan film Melayu *Kaki Bakar*. *Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 101–123. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3903-06>
- Mohd Aris Anis, & Ahmad Esa. (2012, 29-31 Mac). *Komunikasi berimplikatur: Fungsi dan peranannya dalam masyarakat Melayu tradisional*. Kertas kerja yang dibentangkan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Putrajaya, Malaysia.
- Mohd Zaki Rahim. (2017). Aplikasi model humor Shaiful Bahri. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 1–25. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4462>
- Muhammad Fadzilah Zaini. (2015, 7-9 September). *Metafora ADAT dalam pantun Melayu*. Kertas kerja yang dibentangkan Kolokium Bahasa, Linguistik dan Komunikasi, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM). 7–9 September 2015. <https://www.researchgate>.

- net/publication/302583181_Metafora_ADAT_Dalam_Pantun_Melayu_Analisis_Teori_Hibrid
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43–52. https://www.researchgate.net/publication/330011217_Pengaplikasian_Kerangka_Semantik_Inkuisitif_Melalui_Slanga
- Nasser, M. (2024). Exploring conceptual metaphors in American and Egyptian jokes during the coronavirus pandemic: A comparative study. *Mişriqiyā*, 4(1), 1–59. 10.21608/misj.2024.288911.1057.
- Noorlida Mohd Noor. (2015). *An analysis of male humour on Malaysian radio* [Tesis sarjana, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. <https://studentsrepo.um.edu.my/9746/>
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Norsimah Mat Awal. (2006). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi*, 1(1), 1–21. <http://www.ukm.my/e-bangi>
- Nor Hidayu Hasan. (2018). *Implikatur dalam filem Patriotik*. [Tesis sarjana, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/71133/1/FBMK%202018%2021%20IR.pdf>
- Norazlina Mohd Kiram, & Raja Massitah Raja Ariffin. (2021). Kesantunan berbahasa orang Melayu menerusi gaya pengurusan air muka dalam *Saga*: Aplikasi teori Ting-Toomey. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 285–300.
- Norrick, N. R. (2010). Humor in interaction. *Linguistics and language compass*, 4(4), 232–244. <https://doi.org/10.1111/j.1749-818X.2010.00189.x>
- Norulwidad Zakaria, Abdul Rasid Jamian, & Ariff Mohamad. (2023). Analisis teori relevans: Perwatakan, nilai dan pengajaran dalam novel *Jalan ke Puncak Karja Juri Durabi*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), 1–13.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 1–23. <http://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/818>
- Nursyuhada Mohd Syukri. (2023, 21 Februari). Berpeluh membakar lemak? Jendela DBP. <https://dewankosmik.jendeladbp.my/2023/02/21/5820/>
- Purcell, D., Brown, S., & Gokmen, M. (2010). Achmed the dead terrorist and humor in popular geopolitics. *GeoJournal*, 75, 373–385.
- Raskin, V. (1985). *Semantic mechanisms of humor*. D. Reidel Publishing Company.
- Rokiah Awang. (2016). *Wacana humor dalam komedi TV Melayu: Analisis pragmatik* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Roswati Abdul Rashid, Noor Asliza Abdul Rahim, & Roslina Mamat. (2017). Humor dan komunikasi dalam industri pelancongan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 184–198.
- Rozaimah Rashidin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015, 25-26 Ogos). *Metafora konsepsi emosi marah dalam data korpus teks tradisional Melayu* [Kertas kerja yang dibentangkan]. Seminar Linguistik Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad, & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no5)
- Rozaimah Rashidin. (2016). Metafora emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu: Analisis Teori Hibrid [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaimah Rashidin. (2018). Metafora emosi dalam tradisional Melayu: Analisis teori hibrid. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin (Penyunting), *Semantik dan Interpretasi* (hlm. 399–401). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha Marican. (2012). *Penyelidikan sains sosial*. Edusystem Sdn. Bhd.
- Siti Norsyahida, & Nurfarhana Rosly. (2016). Unsur humor dalam rancangan televisyen popular. *Jurnal Kesidang*, 1, 154–172. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/64580/1/Unsur%20humor%20dalam%20rancangan%20televisyen%20popular.pdf>
- Sonny, J. R. (2013). Histofisiologi kulit. *Jurnal Biomedik*, 5(3), 12–20. file:///C:/Users/User/Downloads/jm_biomedik,+3.+Histofisiologi+kulit+edit+kemba li+2.pdf
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1999). *Relevans komunikasi dan kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, Penterjemah). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Karya asal diterbitkan pada 1986)
- Stöver, H. (2010). Metaphor and relevance theory: A new hybrid model [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. University of Bedfordshire.
- Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. Palgrave Macmillan.
- Walter, B. C. (2020). The James-Lange theory of emotions: A critical examination and an alternative theory (hlm. 567–589). JSTOR. https://emotion.wisc.edu/wp-content/uploads/sites/1353/2020/11/Cannon_1927AmJPsych.pdf
- Wiwik Utami, & Jumianti Diana. (2023). Gaya bahasa hiperbola dalam buku *About Love Karya Tere Liye*. *Journal of Education Research*, 4(2), 563–569. <https://jer.or.id/index.php/jer/article/view/195/169>
- Zulkifli Al-Bakri. (2022). #1011: Mengebumikan jenazah bersama keranda. <https://zulkiflialbakri.com/1011-mengebumikan-jenazah-bersama-keranda/>